



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

**“PENGABUNGAN KURSUS DAN UJIAN TEORI
KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU (KPP01) BAGI
MOTOSIKAL DAN MOTOKAR”**

Untuk memudahkan pengambilan Lesen Memandu Malaysia (LMM) khususnya kepada orang muda, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengeluarkan **Ketetapan Dasar Baharu Mengenai Bahagian Pembelajaran / Kursus Teori Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP01)** bagi mendapatkan LMM.

Berkuatkuasa 15 September 2023, mana-mana individu yang pada masa ini telah mempunyai sama ada LMM kelas motosikal atau motokar, dan berhasrat mendapatkan LMM dalam kelas yang berbeza (motosikal atau motokar), adalah dikecualikan daripada menghadiri Kursus KPP01 dan Ujian Teori KPP01.
(Rujuk Lampiran 1)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Sebagai contoh, seseorang yang sudah lulus ujian KPP01 (Teori) dalam lesen memandu motosikal tidak perlu menduduki KPP01 untuk kali kedua apabila mengambil lesen memandu motokar.

Namun, calon masih wajib menjalani latihan dan menduduki ujian KPP02 (Praktikal di Litar) dan KPP03 (Praktikal di Jalanraya) secara berasingan apabila mengambil LMM motosikal dan LMM motokar.

Individu tersebut hanya perlu memperbaharui semula Lesen Belajar Memandu (LDL) dan seterusnya mendaftar di Institut Memandu untuk melengkapkan latihan dan ujian di peringkat KPP02 dan KPP03 dalam kelas kenderaan berkaitan.

Syarat kelayakan umur bagi motosikal adalah kekal pada 16 tahun dan ke atas manakala bagi motokar adalah 17 tahun. Individu juga perlu bebas daripada sebarang tindakan senarai hitam Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Inisiatif ini akan memanfaatkan rakyat Malaysia bagi mendapatkan LMM kelas Motosikal atau Motokar tanpa menjejaskan tahap kekompetenan pemandu.

Pelaksanaan tersebut adalah berdasarkan maklum balas awam dan bertujuan untuk menjimatkan masa dan kos bagi mendapatkan LMM yang sah selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk memelihara kesejahteraan rakyat melalui konsep Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

Loke Siew Fook

Menteri Pengangkutan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

LAMPIRAN 1

DASAR LAMA (SEBELUM 15 SEPTEMBER 2023)				
	Mengambil LMM kali pertama (motosikal)	Sudah mempunyai LMM motosikal dan hendak ambil LMM motokar	Mengambil LMM kali pertama (motokar)	Sudah mempunyai LMM motokar dan hendak ambil LMM motosikal
KPP01	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib
KPP02	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib
KPP03	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

DASAR BAHARU (SELEPAS 15 SEPTEMBER 2023)

	Mengambil LMM kali pertama (motosikal)	Sudah mempunyai LMM motosikal dan hendak mengambil LMM motokar	Mengambil LMM kali pertama (motokar)	Sudah mempunyai LMM motokar dan hendak mengambil LMM motosikal
KPP01	Wajib	Tidak Perlu	Wajib	Tidak Perlu
KPP02	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib
KPP03	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib

Definisi Latihan & Ujian:

KPP01 - Teori

KPP02 - Praktikal di Litar

KPP03 - Praktikal di Jalanraya

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

